

Askar Wataniah bentuk disiplin

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Askar Wataniah perlu terus mengekalkan tahap disiplin yang tinggi selain memiliki semangat ken-
tāl bagi memastikan imej sebagai benteng pertahanan kedua negara digalas dengan penuh rasa tanggungjawab.

Di hati mereka tidak seharunya tercalit rasa rendah diri kerana berstatus pasukan sukarela atau sekadar penumpang kepada agensi pertahanan negara.

Sebaliknya semangat kewirawan demi mempertahankan negara daripada anasir jahat perlu terus kuat dan tidak gentar dengan apa juga ancaman mendatang.

Komander Rejimen 505 Askar Wataniah, Brigadier Jeneral Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, berkata anggota Askar Wataniah perlu tampil sebagai pasukan disiplin dan dihormati sama seperti agensi pertahanan negara yang lain.

Beliau berkata, Askar Wataniah hendaklah sentiasa mengekalkan imej terpuji tidak mengira masa supaya terus dihormati masyarakat apabila tampil membantu dalam apa juga headan.

Bangga anggotai pasukan

"Saya bangga melihat anggota Askar Wataniah dapat turun padang membantu masyarakat setiap kali kudrat mereka diperlukan, kemahiran dan ilmu pengetahuan dimiliki dapat dicurahkan ke tempat yang sebenarnya.

"Mereka sepatutnya sentiasa berbangga menganggotai pasukan pertahanan, walaupun anggota sukarela, namun peranan mereka sentiasa berada pada landasan sebenar sama dengan agensi lain," katanya pada Perasmian Perbarisan Pembukaan Kem Tahunan dan Pemakaian Pangkat di Kem Force 136, Sungai Miang, Pekan, Pahang.

Turut hadir, ketua Pasukan Force 136, Letenan Kolonel Bakri Abd Majid.

Tengku Abdullah berkata, menambah anggota Rejimen 505 Askar Wataniah dalam kalangan generasi muda akan terus ditingkatkan bagi memastikan peranan serta tanggungjawab yang dipikul dapat berjalan lancar.

Tarik minat pelajar

Justeru, beliau berkata, kempen menarik minat golongan pelajar insituisi pengajian tinggi (IPT) menyertai pasukan sukarela berkenaan akan terus dilakukan dengan kerjasama pelbagai pihak.

"Kini kebanyakan pelajar IPT awam dan swasta tidak aktif selepas mereka menamatkan pengajian. Golongan berkenaan juga tidak dapat dikesan terutama selepas menceburi sektor pekerjaan. Kekangan waktu tugas mungkin penyebab mereka tidak aktif.

"Selain berusaha menambah anggota dalam kalangan pelajar, tumpuan menarik minat orang awam terdiri daripada kakitangan awam dan swasta juga dipertingkatkan.

"Kita juga menumpukan kepada golongan muda iaitu generasi kedua FELDA di seluruh negeri apabila seramai 78 belia di Jengka 24, Maran menyertai pasukan Rejimen 505 Askar Wataniah," katanya.

Beliau berkata, untuk meningkatkan kemahiran dalam kalangan anggota, latihan peperangan dan penggunaan senjata perlu dilakukan secara berterusan membabitkan anggota baharu dan lama.

Harungi cabaran latihan

Sementara itu, penuntut tahun akhir Ijazah Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Malaysia Pahang (UMP), Lans Koperul Khairunnisa Abd Yamin, 26, berkata, minat yang mendalam untuk menyertai pasukan keselamatan mendorongnya menyertai Askar Wataniah sejak dua tahun lalu.

Katanya, walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan setiap kali mengikuti latihan, namun itu tidak menjejaskan semangatnya bersama pasukan sukarela berkenaan.

Askar Wataniah bentuk disiplin

» Cabaran jalani latihan ketenteraan suntik semangat dan jati diri



Tengku Abdullah menganggotai Askar Wataniah.



"Saya bangga melihat anggota Askar Wataniah dapat turun padang membantu masyarakat setiap kali kudrat mereka diperlukan. Kemahiran dan ilmu pengetahuan dimiliki dapat dicurahkan ke tempat yang sebenarnya."

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, Komander Rejimen 505 Askar Wataniah

Tumpat, Kelantan.

Latihan peperangan buat Khairunnisa adalah cabaran yang begitu sukar terutama apabila terpaksa meredah hutan dan bermalam dalam kemah.

Beliau berkata, disebabkan tidak tahan sejuk, dia sentiasa berhadapan masalah setiap kali mengikuti latihan peperangan, namun keadaan itu tetap dilalui dengan penuh semangat.

Katanya, golongan muda Askar Wataniah mampu membentuk keperibadian cemerlang terutama dalam memfiksikan disiplin, selain meningkatkan semangat jati diri.

"Saya berharap golongan muda tampil menyertai Askar Wataniah dalam usaha mempertahankan keamanan daripada ancaman pihak luar yang camburu dengan kemakmuran negara," katanya.



"Mungkin darah tentera yang mengalir dalam badan saya bersama keberanian mempertahankan keamanan negara menjadi pencetus keputusan menganggotai Askar Wataniah"

